

Gamel akur tunduk kepada Sarawak United

Oleh **Asrol Awang** - Mei 12, 2022 @ 6:23pm

bhsukan@bh.com.my



Jurulatih Sri Pahang FC, Christophe Gamel (tiga kanan) menerima kad kuning ketika aksi menentang Sarawak United di Stadium Darul Makmur, Kuantan, semalam. Sri Pahang tewas 2-1. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang.

KUANTAN: Pengendali Sri Pahang FC, Christophe Gamel akur skuadnya tewas 1-2 kepada Sarawak United dalam aksi Liga Super di Stadium Darul Makmur, di sini, semalam sambil mengaitkan ia berpunca daripada kekurangan seorang pemain.

"Sebaik Muslim Ahmad dilayangkan kad merah, ia menjaskankan persembahan pasukan dan kekurangan itu dimanfaatkan sepenuhnya Sarawak United. Pemain sudah sedaya upaya untuk memberikan tentangan terutama menambah jaringan tetapi ia tidak berhasil.

"Saya akur tewas pada malam ini dan berharap skuad ini kembali bangkit pada perlawanan selepas ini," kata jurulatih berumur 50 tahun itu.

Pada perlawanan itu, skuad Tok Gajah terpaksa bermain dengan 10 pemain sepanjang tempoh baki 50 minit selepas Muslim dilayangkan kad merah pada minit ke-40 oleh pengadil Mohamad Kamil Zakaria Ismail akibat mengasari penyerang Sarawak United, Francis Kone.

Namun, kekurangan seorang pemain tidak menghalang Sri Pahang yang akhirnya membolosi gawang lawan hasil sentuhan Hidalgo pada minit ke-45.

Bagaimanapun, Sarawak United bangkit pada babak kedua apabila menjaringkan dua gol, masing-masing satu menerusi Nur Shamie Iszuan Amin dan Uche Agba pada minit ke-54 serta 72.

Mengulas sepanjang tempoh 90 minit perlawanan, Gamel berkata, skuadnya menguasai permainan terutama pada separuh masa pertama.

"Bagaimanapun, sekurang-kurangnya empat peluang dimiliki termasuk yang terkena tiang menyebabkan Sri Pahang terlepas untuk menewaskan lawan," katanya.